

**MESYUARAT KEDUA PENGKAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIII)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

1. Nyatakan.

- (a) Hasil padi dalam tan metrik bagi musim 1/2024 mengikut daerah.
- (b) Berapakah jumlah beras putih tempatan yang dihasilkan dari hasil padi tersebut untuk pasaran Pulau Pinang?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

- 1. (a) Purata hasil tanaman padi bagi musim 1/2024 adalah masih di peringkat semakan pihak Seksyen Kawal Selia Padi dan Beras, Bahagian Pembangunan Industri Padi, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM). Data rasmi ini akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyiasatan Pengeluaran Padi Kebangsaan.
- (b) Jumlah beras putih tempatan yang dihasilkan dan hasil padi yang dipasarkan dalam Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

MAKLUMAT	JUMLAH (TAN METRIK)
Jumlah Beras Putih Tempatan Yang Dihasilkan	18,851.48
Hasil Padi Yang Dipindahkan Keluar Negeri Pulau Pinang	16,588.38
Hasil Padi Yang Dipasarkan Dalam Negeri Pulau Pinang	2,263.10

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIII)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

2. Kawasan-kawasan sawah padi Pulau Pinang kini semakin diancam oleh keladi agas yang membiak luar kawalan dan mengakibatkan kemerosotan teruk hasil padi.
 - (a) Apakah langkah-langkah yang diambil Kerajaan Negeri dalam membantu pesawah-pesawah menangani ancaman keladi agas ini?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang (DOA) telah mengenal pasti ancaman rumpai keladi agas yang boleh mengancam pengeluaran tanaman padi di Negeri Pulau Pinang dan sentiasa memastikan kadar populasinya adalah dibawah Tahap Ambang Ekonomi (ETL).

Sehubungan itu, Jawatankuasa *Task Force* Khas Keladi Agas telah ditubuhkan pada bulan Jun 2023 yang melibatkan DOA, Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Pulau Pinang, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), MARDI, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan Cawangan Teknikal DOA. Taklimat berkaitan kawalan keladi agas telah diadakan kepada kelompok-kelompok padi di seluruh Negeri Pulau Pinang. Jadual gerak kerja plot demo kawalan keladi agas bagi sistem tabur terus air adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Pada tahun 2024, DOA melalui Bahagian Biosekuriti Tumbuhan (BBT) menjalankan pemantauan dan khidmat nasihat bagi kawasan yang diancam keladi agas. Kawasan yang terlibat adalah sebanyak 88.50 hektar pada musim 1/2024 berbanding musim 1/2023 iaitu sebanyak 246.9 hektar dan banciaan akan diteruskan bagi musim penanaman

2/2024. Berdasarkan bancian, sebanyak 81 'spot' terjejas yang kebanyakannya adalah di kelompok-kelompok padi di daerah Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Tengah seperti Permatang Berangan dengan keluasan 8.0 hektar, Kampung Tok Bedu dengan keluasan 3.5 hektar, Lahar Kepar dengan keluasan 2.1 hektar dan lain-lain kawasan.

Pihak BBT juga mengesyorkan kawalan kimia perlu dilakukan melalui laporan perosak tanaman padi yang dikeluarkan untuk kawasan yang terlibat bagi mengawal kemerebakan keladi agas. Selain itu, pihak BBT dengan kerjasama pihak MARDI dan IADA telah mengeluarkan gerak kerja kawalan kemerebakan keladi agas dan plot pemerhatian keladi agas telah dilaksanakan di beberapa petak sawah di kawasan Penaga. Gerak kerja ini termasuk kawalan disyorkan perlu dibuat 21 hari sebelum tabur padi dengan menyembur racun rumpai pra-tanam seperti *Glufosinate*. Manakala pada umur satu (1) hari padi selepas tabur, penyemburan racun seperti *Pretilachor* perlu dilakukan. Seterusnya, pada umur padi hari ke 16 selepas tabur, semburan racun kimia seperti *Florpyrauxifen-benzyl* 2.7% dicampur bersama racun *Bentazone Sodium* 37.0% mengikut kadar yang disyorkan pada label. Selepas umur padi 30 hari lepas tabur, pemantauan perlu dibuat dan jika pertumbuhan keladi agas masih aktif ia perlu dihapuskan dengan kaedah manual.

**JADUAL GERAK KERJA PLOT DEMO KAWALAN KELADI AGAS
(SISTEM TABUR TERUS AIR)**

Hari Lepas Tabur	Tarikh cadangan	Aktiviti
-21	20/5/2023	Menyembur racun rumpai pra-tanam Tepat (Glufosinate). Kadar untuk 1 pam gelas adalah 700ml racun Tepat campur dalam 20L air. Sebanyak 10 semburan pam gelas diperlukan untuk keluasan 1ha. *Pengiraan kadar racun adalah lain jika menggunakan dron.
-14	27/5/2023	Membajak pertama.
-7	3/6/2023	Masukkan air dalam sawah.
-2	8/6/2023	Menyisir dan membajak tanah (menggunakan Niplo)
0	10/6/2023	Tabur biji benih padi. Keadaan air dalam sawah bertakung melebihi paras 2 inci.
14	24/6/2023	Keluarkan air dari sawah sehingga daun keladi agas kelihatan/terdedah atas permukaan air. Pastikan tanah tidak kering.
15	25/6/2023	Sembur campuran racun Loyant + BasagranM60. Kadar untuk 1 pam gelas adalah 80ml Loyant + 200ml BasagranM60 campur dalam 20L air. Sebanyak 10 semburan pam gelas diperlukan untuk keluasan 1ha. *Pengiraan kadar racun adalah lain jika menggunakan drone.
17	27/6/2023	Masukkan air dalam sawah. Pastikan ketinggian air melebihi 2 inci.
20	30/6/2023	Baja pertama
30	1/7/2023	Pemantauan keberkesanan kawalan keladi agas. Jika keladi agas masih tumbuh dengan aktif, ia perlu dihapuskan dengan kaedah manual.

Nota: Gerak kerja ini khas untuk kawalan keladi agas. Aplikasi racun serangga perosak dan penyakit yang lain perlu dilakukan seperti amalan biasa.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIII)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

3. Kemiskinan.

- (a) Nyatakan bilangan keluarga miskin dan miskin tegar di Pulau Pinang sehingga September 2024 mengikut kawasan DUN.
- (b) Apakah kaedah yang digunakan oleh Kerajaan Negeri dalam menentukan bilangan keluarga miskin dan miskin tegar terkini (*real time*)?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. (a) Perincian dan statistik bilangan Ketua Isi Rumah (KIR) berstatus Miskin dan Miskin Tegar di Pulau Pinang mengikut kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) adalah seperti di **LAMPIRAN A**. Data ini telah dikeluarkan daripada Sistem eKasih yang dikemas kini pada tarikh 4 November 2024.
- (b) Kaedah yang digunakan oleh Kerajaan Negeri bagi menentukan bilangan keluarga miskin dan miskin tegar terkini secara *real-time* adalah melalui Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM).

Untuk melaksanakan bancian bagi mengenal pasti keluarga miskin dan miskin tegar, carta aliran proses bancian adalah seperti berikut:

(i) Permohonan Responden:

Responden mengemukakan permohonan melalui Pejabat Pembangunan Negeri, Pejabat Daerah, atau Pejabat ADUN di kawasan masing-masing;

(ii) Proses Tapisan:

Permohonan akan ditapis oleh penyelia mengikut pendapatan isi rumah dan pengiraan per kapita yang telah ditetapkan sebagai garis panduan;

(iii) Agihan Tugas:

Tugas bancian akan diagihkan kepada pembanci yang dilantik untuk menjalankan bancian secara lapangan;

(iv) Semakan Silang:

Maklumat hasil bancian akan disemak silang bersama penyelia untuk memastikan ketepatan data sebelum dimasukkan ke dalam sistem;

(v) Pengemaskinian Data:

Maklumat yang telah disahkan akan dimasukkan ke dalam Sistem eKasih untuk tujuan pengesahan status; dan

(vi) Semakan oleh Pemohon:

Pemohon boleh membuat semakan status permohonan mereka melalui portal rasmi eKasih.

Proses ini memastikan data mengenai Ketua Isi Rumah berstatus miskin dan miskin tegar adalah terkini dan boleh dirujuk secara sahih oleh Kerajaan Negeri dalam merangka dasar serta inisiatif berkaitan.

**STATISTIK BILANGAN KETUA ISI RUMAH (KIR) MISKIN DAN
MISKIN TEGAR MENGIKUT KAWASAN DEWAN UNDANGAN
NEGERI (DUN) PULAU PINANG**

BIL.	DUN	MISKIN	MISKIN TEGAR	JUMLAH
1	Air Itam	260	33	293
2	Air Putih	272	42	314
3	Bagan Dalam	315	35	350
4	Bagan Jermal	327	38	365
5	Batu Lancang	154	13	167
6	Batu Maung	286	23	309
7	Batu Uban	274	14	288
8	Bayan Lepas	557	45	602
9	Berapit	152	23	175
10	Bertam	484	49	533
11	Bukit Tambun	350	47	397
12	Bukit Tengah	341	40	381
13	Datok Keramat	234	24	258
14	Jawi	524	63	587
15	Kebun Bunga	115	15	130
16	Komtar	137	14	151
17	Machang Bubuk	658	69	727
18	Padang Kota	48	4	52
19	Padang Lalang	298	41	339
20	Pantai Jerejak	154	9	163
21	Paya Terubong	400	37	437

LAMPIRAN A

BIL.	DUN	MISKIN	MISKIN TEGAR	JUMLAH
22	Penaga	1,022	113	1,135
23	Penanti	568	46	614
24	Pengkalan Kota	122	9	131
25	Perai	192	26	218
26	Permatang Berangan	1,082	94	1,176
27	Permatang Pasir	613	95	708
28	Pinang Tunggal	1,028	92	1,120
29	Pulau Betong	419	29	448
30	Pulau Tikus	68	5	73
31	Seberang Jaya	624	55	679
32	Seri Delima	149	11	160
33	Sungai Acheh	692	65	757
34	Sungai Bakap	633	61	694
35	Sungai Dua	700	68	768
36	Sungai Pinang	451	55	506
37	Sungai Puyu	386	49	435
38	Tanjong Bunga	205	9	214
39	Telok Ayer Tawar	450	39	489
40	Telok Bahang	391	42	433
JUMLAH		16,135	1,641	17,776

*Data eKasih bertarikh 4 November 2024

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIII)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

4. Penjaja tepi jalan.

- (a) Apakah dasar terkini Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), (MBPP dan MBSP) mengenai gerai-gerai tepi jalan dalam kawasan taman-taman perumahan yang kebanyakan beroperasi secara tidak berlesen?
- (b) Apakah PBT ada perancangan untuk menempatkan gerai-gerai ini di satu kawasan tetap pada masa hadapan?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. (a) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sentiasa terbuka bagi membantu mana-mana peniaga di tepi jalan untuk menjalankan perniagaan. Aktiviti penjajaan tepi jalan masih tertakluk kepada peruntukan undang-undang dan syarat-syarat sedia ada yang sedang berkuat kuasa di PBT. Dasar terkini bagi kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) adalah tertakluk kepada Garis Panduan Permohonan dan Pengurusan Lesen Penjaja Bergerak/Statik Menggunakan Kenderaan Bermotor (Motosikal, Kereta dan Trak Bergerak) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (Pindaan 2024) manakala bagi kawasan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pula adalah tertakluk kepada Garis Panduan Kaedah Penjajaan Mudah Alih.
- (b) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sememangnya mempunyai perancangan untuk menempatkan gerai-gerai ini di satu kawasan tetap pada masa hadapan. Bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), para penjaja ditawarkan penyewaan di

gerai-gerai seliaan MBPP dan mempunyai pilihan bagi memohon lesen bagi kategori perniagaan jenis trak bergerak, kenderaan bermotor, pasar malam dan gerai tanah persendirian.

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pula, perancangan untuk menempatkan gerai-gerai ini di satu kawasan tetap pada masa hadapan bergantung kepada pemilikan tanah MBSP di lokasi tersebut dan mensyaratkan kepada pemajuan baharu bagi penyediaan ruang niaga jika pembangunan tersebut memerlukan kompleks makanan atau pasar awam seperti keperluan Garis Panduan Penyediaan Kemudahan Awam (Pasar dan Pusat Penjaja). Di samping itu, MBSP juga turut menjalankan program penempatan bagi penjaja tertakluk kepada kesesuaian tapak berdekatan dan peruntukan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIII)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

5. Nyatakan jumlah peruntukan Malaysian Road Record Information System (MARRIS) yang diberikan Kerajaan Persekutuan kepada Pulau Pinang untuk tahun 2021, 2022, 2023 dan 2024.
- (a) Berapakah jumlah yang dibelanjakan bagi setiap tahun tersebut?
- (b) Berapakah jumlah yang diagihkan kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) bagi tempoh tersebut?
- (c) Berapakah baki terkumpul peruntukan MARRIS hingga September 2024?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Jumlah peruntukan Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri (Akaun Amanah MARRIS) yang diterima dari Kerajaan Persekutuan untuk Pulau Pinang daripada tahun 2021 sehingga bulan September tahun 2024 adalah seperti berikut:

TAHUN	BAKI TERKUMPUL (RM)	TERIMAAN MARRIS (RM)	PERBELANJAAN (RM)
2021	79,853,061.11	208,943,288.43	187,701,566.93
2022	101,094,782.61	208,768,700.00	207,296,364.17
2023	102,567,118.44	210,952,060.00	264,509,118.39
2024*	49,010,060.05	167,057,692.93	194,118,013.62
	JUMLAH (RM)	795,721,741.36	853,625,063.11

**sehingga bulan September 2024.*

JADUAL 1: MAKLUMAT PERUNTUKAN MARRIS NEGERI PULAU PINANG (2021-2024)

- (a) Perbelanjaan Akaun Amanah MARRIS bagi tahun 2021 sehingga bulan September 2024 adalah seperti di **JADUAL 1**.
- (b) Jumlah peruntukan Akaun Amanah MARRIS yang diagihkan kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) bagi tempoh tersebut adalah seperti berikut:

TAHUN	AGIHAN PERUNTUKAN MARRIS (RM)	
	MBPP	MBSP
2021	37,016,420.90	80,000,000.00
2022	30,600,000.00	80,000,000.00
2023	37,589,616.56	115,000,000.00
2024*	31,680,236.52	107,141,760.00
JUMLAH (RM)	136,886,273.98	382,141,760.00

* sehingga bulan September 2024.

- (c) Jumlah baki peruntukan Akaun Amanah MARRIS sehingga 30 September 2024 adalah sebanyak **RM21.95 juta**.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIII)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

6. Nyatakan jumlah stesen pengecas kenderaan elektrik (EV) yang beroperasi di seluruh Pulau Pinang.
- (a) Nyatakan bilangannya mengikut daerah dan lokasi.
 - (b) Nyatakan jumlah dalam perancangan untuk dibina dalam masa terdekat.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. (a) Pada masa ini, jumlah *Electric Vehicle Charging Bay* (EVCB) yang beroperasi di Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak 301 unit. Perincian daerah dan lokasi EVCB adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) Jumlah EVCB yang dirancang untuk dipasang di Negeri Pulau Pinang dalam masa terdekat adalah sebanyak 150 unit. Perincian daerah dan lokasi EVCB adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

LAMPIRAN A

- (a) Jumlah *Electric Vehicle Charging Bay* (EVCB) yang telah dipasang dan beroperasi di Negeri Pulau Pinang mengikut daerah.

DAERAH TIMUR LAUT: 149 UNIT EVCB

BIL.	BANGUNAN	LOKASI	JUMLAH EVCB (UNIT)
1.	Powered by RISE @ The Oasis Condo	The Oasis, Jalan Kaki Bukit, Kampung Kastam, 11700 Gelugor, Pulau Pinang.	2
2.	Platino Kondominium	No. 1, Persiaran Tunku Kudin 11700 Jelutong, Penang.	5
3.	Bayswater Resort Kondominium	2A, Lebuh Tunku Kudin 2, 11700 Gelugor, Pulau Pinang.	3
4.	Udini Square Gelugor Penang by DC Handal	B1, Udini Square, Lebuh Tunku Kudin 3, 11700 Gelugor Pulau Pinang.	2
5.	Middleton @ Minden Heights Penang	104, Cangkat Minden Jalan 1, Minden Heights, 11700 Gelugor, Pulau Pinang.	2
6.	Raffel Tower @ Minden Heights Penang	62a, Lorong Permai 7, Taman Brown, 11700 Gelugor, Pulau Pinang.	2
7.	Delima Palace Kondominium	Cangkat Delima 2, Taman Island Glades, 11600 Jelutong, Pulau Pinang.	2
8.	Starbucks Island Glades DT	2-D, Jalan Masjid Negeri, Taman Island Glades, 11600 Jelutong, Pulau Pinang.	2

LAMPIRAN A

BIL.	BANGUNAN	LOKASI	JUMLAH EVCB (UNIT)
9.	Grace Residence	11, Jalan Ahmad Nor, Pusat Perdagangan Nova, 11600 Jelutong, Penang.	2
10.	Boulevard Kondominium	Solok Thean Tek, 11500 Ayer Itam, Pulau Pinang.	2
11.	Tesla AC at All Season Place	All Seasons Place, Lebuh Thean Teik, Air Itam, 11500 George Town, Penang.	4
12.	The Spring Kondoinium	Lebuh Sungai Pinang 2, 11600 Sungai Pinang Pulau Pinang.	3
13.	The Maritime Automall	Persiaran Karpal Singh 2, 11600 Jelutong, Pulau Pinang.	4
14.	BMW Sungai Pinang	56, 6, Jelutong, 11600 George Town, Pulau Pinang.	1
15.	Smart Penang	169, Jalan Jelutong, Jelutong, 11600 George Town, Pulau Pinang.	2
16.	Cycle & Carriage Sungai Pinang	81, Jalan Sungai Pinang, Taman Penang, 10150 George Town, Pulau Pinang.	2
17.	Volvo Federal Auto Penang	89a, Jalan Sungai Pinang, Taman Penang, 10000 George Town, Pulau Pinang.	2
18.	Penang Marriott Hotel	55 Gurney Drive, Georgetown, 10250 Georgetown, Penang.	4
19.	G Hotel Gurney	168A, Persiaran Gurney, 10250	9

LAMPIRAN A

BIL.	BANGUNAN	LOKASI	JUMLAH EVCB (UNIT)
		George Town, Penang.	
20.	EVGuru @ Penang Adventist Hospital	465, Jalan Burma, 10350 George Town, Pulau Pinang.	3
21.	HYUNDAI Gurney Paragon	163d, Gurney Dr, 10250 George Town, Penang.	1
22.	ParkEasy @ Decathlon Gurney Paragon	163D-L2, Gurney Paragon Mall, Gurney Dr, 10250 George Town, Penang.	3
23.	Gurney Paragon Mall	163D-LG, Gurney Paragon Mall, Gurney Drive, 10250 George Town, Penang.	2
24.	G Kelawai Hotel	G Hotel Kelawai 10250 Georgetown, Penang.	2
25.	Gurney Plaza LVL6 Mini Electric	LVL6, 170, Gurney Dr, Pulau Tikus, 10250 George Town, Penang.	3
26.	Gurney Plaza	170, Persiaran Gurney, Pulau Tikus, 10250 George Town, Pulau Pinang.	8
27.	QuickCharge at City Of Dreams	City Of Dream, Jalan Peter Paul Dason, 10470 Tanjung Tokong, Pulau Pinang.	4
28.	Starbucks Tanjung Tokong DT	4-G, Jalan Pantai Molek, Kampung Raya Baharu, 10470 Tanjung Tokong, Pulau Pinang.	1

LAMPIRAN A

BIL.	BANGUNAN	LOKASI	JUMLAH EVCB (UNIT)
29.	ChargeSini Station Mont Residence	Persiaran Halia 3, 10470 George Town, Pulau Pinang.	4
30.	QuickCharge at Landmark Penang	No 6-V, Jalan Siput Kepah, Pulau Pinang, Kampung Raya Baharu, 10250 Tanjung Tokong, Pulau Pinang.	2
31.	Island Plaza	2-05, Jalan Tanjong Tokong, Seri Tanjung Pinang, 10470 Tanjung Tokong, Pulau Pinang.	4
32.	Tanjung Park Condominium Outdoor	Persiaran Lengkuas 11200, Pulau Pinang.	6
33.	Prima Tanjung Basement Carpark	Jalan Fettes, 98, Kampung Belachan, 10470 Tanjung Tokong, Pulau Pinang.	3
34.	Marinox Sky Villas	28A, Jalan Desiran Tanjung 4, Seri Tanjung Pinang, 10470 Tanjung Tokong, Pulau Pinang.	5
35.	ChargeSini Station I- Santorini	Jalan Seri Tanjung Pinang 1, Seri Tanjung Pinang, 10470 Tanjung Tokong, Pulau Pinang.	4
36.	The Tamarind Condo	3, The Tamarind, 1, Jalan Seri Tg Pinang, Seri Tanjung Pinang, 10470 Tanjung Tokong, Penang.	2
37.	The Tamarind (Block B L2)	3, Jalan Seri Tanjung Pinang 1, Seri Tanjung Pinang, 10470 Tanjung Tokong, Pulau Pinang.	2

LAMPIRAN A

BIL.	BANGUNAN	LOKASI	JUMLAH EVCB (UNIT)
38.	Quayside Condominium	Jalan Seri Tg Pinang, Seri Tanjung Pinang, 10470 Tanjung Tokong, Pulau Pinang.	7
39.	Straits Quay Carpark	Jalan Seri Tanjung Pinang 10470 Tanjung Tokong, Penang Malaysia, Seri Tanjung Pinang, Tanjung Tokong, Pulau Pinang.	1
40.	Pearl View Condominium	Pearl View Condominium, Tanjung Tokong, Tanjung Bungah, 11200 Pulau Pinang.	2
41.	Starbucks Hillside DT	93, Jalan Loh Poh Heng, 11200 Tanjung Bungah, Pulau Pinang.	1
42.	Tree Square	2268, Jalan Sungai Kelian, Tanjung Tokong, 11200 Tanjung Bungah, Pulau Pinang.	2
43.	Taman Leader Condominium	1, Jalan Chee Seng 13, Taman Leader, 11200 Tanjung Bungah, Pulau Pinang.	1
44.	Coastal Towers	9 & 11, Persiaran Tanjung Bunga 2, Beverly Hills, 11200 Tanjung Bungah, Pulau Pinang.	2
45.	The Reef	54, Jalan Low Yat, Puncak Ria, 11100 Batu Ferringhi, Pulau Pinang.	2
46.	Doubletree Resort Penang by CarputZap	56, Jalan Low Yat, Puncak Ria, 11100 Batu Ferringhi, Pulau	1

LAMPIRAN A

BIL.	BANGUNAN	LOKASI	JUMLAH EVCB (UNIT)
		Pinang.	
47.	Sri Sayang	188-6-04. Sri Sayang Resort, 11100 Batu Ferringhi, Pulau Pinang.	2
48.	Shangri-La Rasa Sayang Resort Hotel	7-11 Batu Feringgi, 1, Lorong Sungai Emas, Kampung Tanjung Huma, 11100 George Town, Pulau Pinang.	7
49.	Golden Sands Resort Penang by Shangri-la	Eden Parade, Jalan Tanjung Bungah, Kampung Tanjung Huma, 11050 Batu Ferringhi, Pulau Pinang.	2
50.	Ferringhi Garden Restaurant Penang	34 C, Jalan Batu Ferringhi 11100 Batu Ferringhi, Pulau Pinang.	3
51.	Hard Rock Hotel Penang	Jalan Batu Ferringhi, 11100 George Town, Pulau Pinang.	2

DAERAH BARAT DAYA: 62 UNIT EVCB

BIL.	BANGUNAN	LOKASI	JUMLAH EVCB (UNIT)
1.	Starbucks Botanica DT	2, Jalan Sungai Rusa, Kampung Sungai Rusa, 11000 Balik Pulau, Pulau Pinang.	2

LAMPIRAN A

BIL.	BANGUNAN	LOKASI	JUMLAH EVCB (UNIT)
2.	Platinum III Kondominium	7, Cangkat Bukit Belah 2, Teluk Kumbar Heights, 11950 Bayan Lepas, Pulau Pinang.	2
3.	Fiera Vista Kondominium	19, Medan Rajawali, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang.	1
4.	Solaria Residences	Medan Rajawali, Kampung Perlis, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang.	4
5.	The Loft @ Southbay	Kompleks Perikanan Lkim, Batu Maung, Bayan Lepas, 11960, Batu Maung, Pulau Pinang.	2
6.	Intel Penang PG14	8, Medan Bayan Lepas, Bayan Lepas Industrial Park, 11900 Bayan Lepas, Penang.	3
7.	Intel Penang PG15	8, Medan Bayan Lepas, Bayan Lepas Industrial Park, 11900 Bayan Lepas, Penang.	1
8.	Nissan Bayan Lepas Service Centre	196, Block G, Jalan Sultan Azlan Shah, Sungai Tiram, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang.	1
9.	Muyogi Dessert Shop	28, Solok Mayang Pasir, Bandar Bayan Baru, 11950 Bayan Lepas, Penang.	2
10.	Suntech @ Penang Cybercity	Lintang Mayang Pasir 3, 11950 Pulau Jerejak, Penang.	2
11.	D'piazza Condominium	Jalan Mayang Pasir 2, Bayan Baru, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang.	4

LAMPIRAN A

BIL.	BANGUNAN	LOKASI	JUMLAH EVCB (UNIT)
12.	MUZE @ PICC PENANG	8, Persiaran Mahsuri, Sungai Nibong Kecil, 11950 Bayan Lepas, Pulau Pinang.	3
15.	Setia Welcome Centre Spice	Jalan Tun Dr Awang, 11900 Pulau Jerejak Penang.	1
16.	Senz Villes Penang	11, Lilitan Sungai Ara, Sungai Ara, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang.	1
17.	Hotel Equatorial Penang	Jalan Bukit Jambul, Bukit Jambul, 11900 George Town, Penang.	4
18.	The Address Boutique	6, Jalan Bukit Jambul, Kampung Gelugor, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang.	2
19.	One Imperial Block B	14, Lintang Sungai Ara 2, Sungai Ara, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang.	2
20.	ICONIC SKIES	1A, Pejabat Pengurusan, Iconic Skies, 05, Persiaran Relau, Relau, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang.	2
21.	Fairview Residence Penang	22, Changkat Sungai Ara 6, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang, Malaysia	2
22.	MBPP Relau Sport Complex	Lebuh Relau 4, 11900 Kampung Sungai Dua Bukit, Penang.	2
23.	Vistana Hotel	213, Jalan Bukit Gambir, Bukit Jambul, 11950 Bayan Lepas, Pulau	1

LAMPIRAN A

BIL.	BANGUNAN	LOKASI	JUMLAH EVCB (UNIT)
		Pinang.	
24.	Intel PG9	PG9 Halaman Kampung Jawa, Kawasan Perindustrian Bayan Lepas, 11900 Bayan Lepas, Penang	1
25.	Queens Waterfront Q1 & Q2	Persiaran Bayan Indah, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang.	3
26.	Queensbay Mall	Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu, 11900 Pulau Jerejak Penang.	2
27.	Eastin Hotel	1, Solok Bayan Indah, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang.	1
28.	Putra Marine Resort Condominium	Putra Marine Resort Condominium, Bayan Lepas, Pulau Pinang, Malaysia.	2
29.	Tropicana BAY Residence	Lobby Tropicana Bay Residences, Persiaran Bayan Indah, 11900 Gelugor, Penang.	2
30.	Entopia By Penang Butterfly Farm	No.830, Jalan Teluk Bahang, Teluk Bahang, 11050, Pulau Pinang.	2
31.	Angsana Teluk Bahang Hotel	Angsana Teluk Bahang, Penang 11050, Tanjung Bungah, Pulau Pinang.	4
32.	Ecoworld Gallery @Eco Terraces	PT2509, Jalan Paya Terubung, Paya Terubong, 11060 George Town, Pulau Pinang.	1

DAERAH SEBERANG PERAI UTARA: 14 UNIT EVCB

BIL.	BANGUNAN	LOKASI	JUMLAH EVCB (UNIT)
1.	Tealive Bagan Ajam	9, Jalan Oren, Pusat Perniagaan Oren, Pulau Pinang.	1
2.	Starbucks, Raja Uda	2020, Jalan Raja Uda, Telok Air Tawar, Butterworth, Pulau Pinang.	1
3.	Bertam Resort and Waterpark	PMT 2200, Persiaran Bertam 8, 13200 Kepala Batas, Pulau Pinang.	2
4.	Hotel Bagan Suite	4767, Lorong Permatang Pauh, Taman Bagan, 13400 Butterworth, Pulau Pinang.	3
5.	WoodsBury Suites	Woodsbury Suites, 12100 Butterworth, Pulau Pinang.	4
6.	Luminari Residences	G08, Pangsapuri Luminari, Jalan Harbour Place 1, 12100 Butterworth, Pulau Pinang.	3

DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH: 53 UNIT EVCB

BIL.	BANGUNAN	LOKASI	JUMLAH EVCB (UNIT)
1.	KPJ Penang	570, Jalan Perda Utama, Bandar Baru Perda, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.	3
2.	Metropol Service Apartment	Jalan Perda Utara 1, Bandar Baru Perda 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.	3
3.	Iktikadraya Northern Juru	10, Lorong Setia Sentral 2, Pusat Perniagaan Setia Sentral, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.	3
4.	Starbucks Icon City DT	Ground & Mezzanine Floor, 1, Jalan Icon City, Icon City, 14000, Pulau Pinang.	1
5.	Butterworth Iroll	2, Lorong Setia Sentral 1, 13600 Perai, Pulau Pinang.	5
6.	Citadines Prai Penang	31, Jalan Sentral Jaya, Taman IKS Bukit Tengah, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.	4
7.	80's Bistro Icon City Penang	42, Jalan Icon City, Bukit Tengah, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.	2

LAMPIRAN A

BIL.	BANGUNAN	LOKASI	JUMLAH EVCB (UNIT)
8.	Mydin Bukit Mertajam	Mydin Mall Bukit Mertajam 13600, Penang, Bukit Mertajam, Pulau Pinang.	2
9.	BKE 2 Butterworth Bound	Jalan Kelasah, 13700 Kampung Bagan Serai, Pulau Pinang.	1
10.	Tian Siang BMW Showroom	Jalan Baru, 13600 Perai, Pulau Pinang.	3
11.	BYD Denver Auto Penang	2, Lorong Irama 2, Kampung Teluk, 13700 Perai, Pulau Pinang.	2
12.	Sunway Carnival Mall	99XX+F3 Seberang Jaya, Pulau Pinang.	4
13.	The Light Hotel	Lebuh Tenggiri 2, Seberang Jaya, Pulau Pinang.	2
14.	Ixora Hotel	3096 Jalan Baru, Bandar Perai Jaya, 13600 Perai, Pulau Pinang.	9
15.	Audi Juru 4S Centre	PMT1874, Jalan IKS Bukit Tengah, Taman IKS Bukit Tengah, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.	2

LAMPIRAN A

BIL.	BANGUNAN	LOKASI	JUMLAH EVCB (UNIT)
16.	Lotus's Seberang Jaya	2762, Persiaran Sembilang, 13700 Seberang Jaya, Pulau Pinang.	1
17.	Vangohh Eminent Hotel and Spa	3406, Jalan Machang Bubok 2, Taman Machang Bubok, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.	3
18.	Jesselball Sport Centre	1190, Jalan Seladang 1, Taman Budiman, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.	2
19.	Lotus's Bukit Mertajam	No. 2323, Jalan Rozhan, Pusat Perniagaan Seri Impian, 14100 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.	1

DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN: 23

BIL.	BANGUNAN	LOKASI	JUMLAH EVCB (UNIT)
1.	IJM Bayouri Gallery Jawi Penang	Lot 10609, Jalan Sungai Bakap, 14200 Sungai Jawi, Pulau Pinang.	2
2.	C-Mart Nibong Tebal Penang	Jalan Industri Cenderawasih 1, Kompleks Industri Cenderawasih, 14300 Nibong Tebal, Pulau Pinang.	2
3.	EcoWorld Gallery <i>*under repair</i>	14110, Bukit Tambun, Pulau Pinang.	1
4.	Design Village Outlet Mall	733, Jalan Cassia Barat 2, 14110 Simpang Ampat, Pulau Pinang.	2
5.	Eco Horizon Clubhouse	Eco Horizon Clubhouse, 6FQ2+QQ, Sungai Jawi, Pulau Pinang.	1
6.	ViTrox Technologies Sdn Bhd	Industrial Park, 746, Persiaran Cassia Selatan 3, Bandar Cassia, 14110 Batu Kawan, Pulau Pinang.	3

LAMPIRAN A

BIL.	BANGUNAN	LOKASI	JUMLAH EVCB (UNIT)
7.	Starbucks Eco Horizon DT	1, Jln Borealis 4, Pusat Komersial Borealis, 14110 Simpang Ampat, Pulau Pinang.	2
8.	McDonald's Batu Kawan <i>*under repair</i>	Plot No. 1, HSD 47588, PT 5910, Batu Kawan, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang.	2
9.	Tesla Destination Charger - The Ship Campus	No.1 Education Boulevard Batu Kawan Industrial Park, Pulau Pinang	8

- (b) Perancangan untuk pemasangan *Electric Vehicle Charging Bay* (EVCB) di Pulau Pinang mengikut daerah.

DAERAH TIMUR LAUT: 70 UNIT EVCB

BIL.	LOKASI	JUMLAH EVCB (UNIT)
1.	Persiaran Karpal Singh.	2
2.	Jalan Concordia.	2
3.	Precint 10.	2
4.	Jalan Macalister.	2
5.	Gat Lebuh China.	2
6.	Pasar Tanjong Bungah.	2
7.	Gat Lebuh Gereja.	2
8.	Lebuh Leith.	2
9.	Jalan Masjid Negeri (Berjaya Gallery).	2
10.	Pasar Kompleks Jalan Permai.	2
11.	TLK Jalan Lenggong (Jalan Lenggong/Jalan Jelutong).	2
12.	Lebuh Pasar (Lebuh Pantai - Lebuh Penang).	2
13.	Pasar Batu Lanchang.	2
14.	Jalan Tan Sri Teh Ewe Lim.	2
15.	TLK Jalan Pasar/Jalan Balik Pulau (Kek Lok Si).	2
16.	Jalan Khidmat Lintang Angsana.	2

LAMPIRAN B

BIL.	LOKASI	JUMLAH EVCB (UNIT)
17.	Jalan Arratoon, George Town, Pulau Pinang.	2
18.	Gat Lebuh Armenian (TLK No. 4 & 6).	2
19.	Jalan Tun Syed Barakbah (TLK No. 17 & 18).	2
20.	Lebuh Pantai (TLK No. 80 & 82).	2
21.	Lebuh Chulia (TLK No. 88 & 90).	2
22.	Jalan Khoo Sian Ewe (TLK No. 6 & 7).	2
23.	Jalan Servis Off Jalan Perak (Hadapan Big Farmasi) (TLK No. 1 & 2).	2
24.	Taman Jajar Jalan York.	2
25.	Stadium Bandaraya (Shell Jalan Perak).	2
26.	Persiaran Karpal Singh 1 (Hadapan McDonald).	2
27.	Lebuh Sungai Pinang 7 (Hadapan Taman Areca).	2
28.	Jalan Servis Off Jalan Sungai Dua (Hadapan McDonald Sungai Dua).	2
29.	Halaman Bukit Gambir (Plaza Ivory).	2
30.	Jalan Servis Off Lebuhraya Thean Tek (Hadapan Cosway).	2
31.	Persiaran Bukit Jambul 1 (Hadapan Public Bank).	2
32.	Persiaran Gurney (TLK Gurney Wharf).	2
33.	Jalan Bukit Bendera (Hadapan Blok 422).	2
34.	Jalan Sepoy Lines (Bersebelahan Tandas	2

LAMPIRAN B

BIL.	LOKASI	JUMLAH EVCB (UNIT)
	Awam).	
35.	Jalan Sungai Kelian (Astaka Hillside).	2

DAERAH BARAT DAYA: 36 UNIT EVCB

BIL.	LOKASI	JUMLAH EVCB (UNIT)
1.	Pasar Rajawali.	2
2.	Pasar Bayan Baru.	2
3.	Jalan Servis Off Jalan Balik Pulau (Hadapan 7e Simpang Empat).	2
4.	Pasar Lengkok Kelicap.	2
5.	Jalan Sungai Air Putih (Mtt Properties & Development Sdn. Bhd.).	2
6.	Kompleks Sukan Relau.	2
7.	Medan Kampung Relau 1 (Maybank).	2
8.	Jalan Khidmat Jalan Paya Terubung (Golden Triangle).	2
9.	Pasar Teluk Kumbar Heights.	2
10.	Bayan Lepas Expressway (Astaka Seagate).	2
11.	Jalan Servis Off Jalan Tengah (Hadapan Nasi Kandar Maqbul).	2
12.	Persiaran Mahsuri 1/3 (Hadapan Bank Islam).	2
13.	Jalan Servis Off Jalan Sungai Air Putih (Hadapan Klinik Dr. Ko).	2
14.	Jalan Servis Off Jalan Kuala Jalan Bharu (Hadapan Fresh Mart).	2

LAMPIRAN B

15.	Jalan Servis Off Jalan Balik Pulau (Hadapan Perniagaan Hk Photostat Trading).	2
16.	Jalan Servis Off Jalan Sungai Tiram 3 (Hadapan Shake Shake Food Court).	2
17.	Lintang Sungai Ara 12 (Kompleks Pasar, Makanan Dan Komuniti Pagar Buloh).	2
18.	Jalan Hassan Abbas (Tepi Pasar Teluk Bahang).	2

DAERAH SEBERANG PERAI UTARA: 8 UNIT EVCB

BIL.	LOKASI	JUMLAH EVCB (UNIT)
1.	Hadapan Restoran Shunka Japanese, Pusat Perniagaan Raja Uda, Jalan Raja Uda	2
2.	Kawasan Perindustrian Raja Uda, Jalan Bunga Raya	2
3.	Hadapan Hotel Aroma, Pusat Perniagaan Raja Uda, Jalan Raja Uda	2
4.	Taman Sungai Dua Utama, Sungai Dua	2

DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH: 30 UNIT EVCB

BIL.	LOKASI	JUMLAH EVCB (UNIT)
1.	Jalan Todak 6, Seberang Jaya	2
2.	Hadapan C&O Café, Jalan Icon City, Bukit Mertajam	2
3.	Pusat Perniagaan Setia Sentral, Juru	2
4.	Lorong Perda Selatan 1, Bandar Perda	2
5.	42, Jalan Icon City, Bukit Mertajam	2
6.	Sunway Perdana, Seberang Jaya	2
7.	Hadapan RHB, Taman Inderawasih, Perai	2
8.	Pusat Perniagaan Gravitas, Taman Pauh Jaya, Permatang Pauh	2
9.	Hadapan Ittan Izakaya, Jalan Icon City, Bukit Mertajam	2
10.	Hadapan Instea, Pusat Perniagaan Sentral Jaya, Bukit Mertajam	2
11.	Hadapan Mode Inn Hotel, Jalan Icon City, Bukit Mertajam	2
12.	Hadapan KFC, Taman Inderawasih, Perai	2
13.	Pusat Perniagaan Oren, Bagan Ajam	2
14.	Jalan Todak 2, Seberang Jaya	2
15.	Hadapan Kyochon, Pusat Perniagaan Sentral Jaya, Bukit Mertajam	2

DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN: 6 UNIT EVCB

BIL.	LOKASI	JUMLAH EVCB (UNIT)
1.	VERVEA Aspen Vision City, Bandar Cassia	2
2.	Taman Santuari Merbok, Nibong Tebal	2
3.	Pusat Komersial Borealis, Bandar Cassia	2

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIII)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

7. Projek Lebuhraya Bertingkat Juru-Sungai Dua dijangka bermula tahun depan.
- (a) Apakah pelan mitigasi yang dirancang untuk mengelak berlaku kesesakan trafik lebih teruk di jajaran itu sepanjang tempoh pembinaan projek?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. (a) Kerajaan Negeri sedar pelaksanaan projek penyuraian trafik Juru-Sungai Dua sekiranya dilaksanakan kelak perlu dirancang dengan baik bagi mengelakkan impak kesesakan trafik di jajaran tersebut. Berikut merupakan pelan mitigasi yang dirancang bagi mengelak berlaku kesesakan trafik lebih teruk di jajaran itu sepanjang tempoh pembinaan projek:
- (i) Bagi meminimumkan impak kesesakan, keperluan penutupan lorong akan diselaraskan pada luar waktu puncak;
- (ii) Perkhidmatan kren atau kembalik juga akan disediakan dalam keadaan tunggu sedia untuk memastikan sebarang kejadian yang berlaku ditangani dengan segera; dan

- (iii) Skim pengurusan trafik melalui pengaktifan laluan kontra dan sebagainya juga akan disesuaikan di lokasi-lokasi yang tertentu mengikut keperluan bergantung kepada kesesuaian aliran trafik dan faktor keselamatan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIII)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

8. Empangan Air Itam dan Empangan Telok Bahang mengalami penyusutan simpanan air ketara semasa musim panas dan kemarau. Apakah pelan tindakan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) / Kerajaan Negeri bagi memastikan simpanan air di dua empangan ini tidak cecah paras amat kritikal di masa depan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah mengambil inisiatif dengan melaksanakan pelan tindakan jangka masa pendek sepertimana yang telah dilaksanakan sebelum ini menerusi Pelan Tindakan Empangan Air Itam 2024 (AIDAP 2024) untuk “mempertahankan” rizab empangan sepanjang tempoh kemarau. Di bawah AIDAP 2024, PBAPP telah mengepam sehingga 33 juta liter sehari (JLH) air terawat dari Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua ke kawasan perkhidmatan Empangan Air Itam. Pelan tindakan ini bertujuan untuk meminimumkan pengeluaran harian dari Empangan Air Itam dan memudahkan pengisian semula yang lebih cepat. Bagi Empangan Teluk Bahang, ianya mempunyai kapasiti efektif maksimum 18,240 JL (kira-kira 8.4 x daripada 2,159 JL Empangan Air Itam) dan pengisian empangan tersebut bergantung kepada hujan di Kawasan Tadahan Air (KTA) Teluk Bahang. Walaupun Empangan Teluk Bahang menyimpan lebih banyak air, ia juga memerlukan lebih banyak hujan untuk mengisi semula empangan ini. Semasa musim hujan, PBAPP akan mengepam air mentah daripada 2 KTA berdekatan yang lain, iaitu KTA Batu Ferringhi dan KTA Sungai Pinang untuk mengisi semula Empangan Teluk Bahang

secepat mungkin dan jumlah kapasiti pengisian tersebut bergantung kepada jumlah taburan hujan di KTA yang terlibat. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah mengambil tindakan dengan melaksanakan operasi pembenihan awan di kawasan tadahan kedua-dua empangan tersebut melalui Agensi NADMA untuk menyokong rizab air mentah bagi kedua-dua empangan terlibat.

Kerajaan Negeri melalui PBAPP juga telah merangka pelan jangka sederhana bagi memastikan simpanan air di 2 empangan ini tidak cecah paras amat kritikal di masa depan melalui pelan tindakan berikut:

- (a) Pemasangan paip induk dari LRA Sungai Dua ke sebelah Pulau. Penyiapan projek ini akan meningkatkan kapasiti pembekalan air ke sebelah Pulau;
- (b) Program pengurangan air tidak terhasil (*NRW*) melalui penukaran paip-paip yang usang untuk mengurangkan kebocoran air supaya pembekalan air dapat dioptimumkan kepada semua pengguna di Pulau Pinang;
- (c) Program Penjimatan Air dengan memberi kesedaran kepada pengguna di Pulau Pinang supaya dapat memberi kerjasama untuk mengurangkan penggunaan per kapita sehari dari 284 LCD kepada 237 LCD mengikut ketetapan nasional menjelang tahun 2030; dan
- (d) Pelaksanaan projek di bawah Pelan Kontingensi Air 2023 (*WCP 2030*) bagi memenuhi permintaan air yang tinggi menjelang tahun 2030 seperti berikut:

Bil	Projek	Jangka siap	Kapasiti (MLD)	Kos Projek (RM juta)
1.	<i>New Bukit Panchor DAF (Dissolved air floatation) WTP</i>	Siap	10	18.6
2.	<i>Package 12A Sungai Dua WTP (additional water treatment module)</i>	Siap	114	31

Bil	Projek	Jangka siap	Kapasiti (MLD)	Kos Projek (RM juta)
3.	<i>Laying 13 km of 1,800 mm water distribution from Sungai Dua WTP to Butterworth in Seberang Perai</i>	2024		128
4.	<i>Laying of 3.9 km of 1,800 mm water distribution pipelines from Macallum area to PBAPP Bukit Dumbar Reservoir and Pumping Station Complex on Penang Island</i>	2024		44
5.	<i>Mengkuang Dam WTP</i>	2025	114	120
6.	<i>Sungai Kerian WTP</i>	2027	114	171
7.	<i>Sungai Perai water supply scheme (including pre-treatment of raw water)</i>	2028	136	500
8.	<i>Sungai Muda WTP</i>	2028	114	171
JUMLAH				1,183.6

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIII)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

9. Pembaikan kecil masjid dan surau dalam Kepala Batas.
- (a) Perincikan jumlah masjid dan surau yang telah dibaiki termasuk jumlah peruntukan diluluskan sejak tahun 2023.
 - (b) Senaraikan projek pembaikan yang diluluskan tetapi belum dilaksanakan serta tarikh ianya akan dilaksanakan.
 - (c) Nyatakan had kuota peruntukan pembaikan yang dibenarkan bagi satu-satu permohonan.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. (a) Pada tahun 2023, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) telah membaik pulih dan menaik taraf enam (6) buah masjid/surau di Kawasan Parlimen Kepala Batas dengan jumlah kos keseluruhan sebanyak RM381,413.28 manakala bagi tahun 2024, sebanyak tiga (3) buah masjid/ surau sedang dilaksanakan kerja-kerja pembaikan dengan kos keseluruhan berjumlah RM253,013.54. Senarai masjid/ surau serta kos pembaikan adalah seperti di bawah:-

Tahun 2023

BIL	MASJID/SURAU	DUN	KOS (RM)
1.	Masjid Bakar Kapur	Penaga	44,090.00
2.	Masjid Al-Falah, Pantai Kamloon	Pinang Tunggal	168,245.00
3.	Masjid At-Taqwa, Taman Bertam Indah	Pinang Tunggal	19,991.80
4.	Masjid Jamiul Badawi, kepala Batas	Bertam	49,990.00
5.	Surau Ar-Rayyan, Bertam Lakehome	Bertam	49,561.00
6.	Masjid Ibadur Rahman	Bertam	49,535.48
JUMLAH			381,413.28

Tahun 2024

BIL	MASJID/SURAU	DUN	KOS(RM)
1.	Surau Kampung 40, Kuala Bekah	Penaga	118,750.00
2.	Masjid Lahar kepar	Penaga	51,560.00
3.	Surau As Safiah	Pinang Tunggal	82,703.54
JUMLAH			253,013.54

- (b) Terdapat tiga (3) buah masjid/ surau yang telah diluluskan dan dicadang untuk dilaksanakan pada tahun 2025 tertakluk kepada peruntukan yang tersedia dan Laporan Jabatan Teknikal. Masjid/ Surau tersebut adalah seperti berikut:
- (i) Masjid Al-Hidayah, Kuala Muda;
 - (ii) Masjid Jamek Rantau Panjang; dan
 - (iii) Surau Kg. Guar Tuan Syed.
- (c) Tiada had nilai bagi permohonan baik pulih atau naik taraf masjid/surau tetapi tertakluk kepada prosedur perolehan serta Pihak Berkuasa Melulus yang berkaitan. Walau bagaimanapun, bagi projek-projek yang melebihi RM300,000.00 atau melibatkan projek sambungan, permohonan perlu dikemukakan pada tahun semasa untuk kelulusan bajet pembangunan tahun berikutnya.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIII)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

10. Sukan Malaysia (SUKMA) Sarawak 2024 menyaksikan Negeri Pulau Pinang mencapai sasaran pingat yang ditetapkan.
- (a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan peruntukan pembangunan sukan bagi menghadapi SUKMA seterusnya?
 - (b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri mengelakkan kehilangan atlet ke negeri lain?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. (a) Secara umumnya, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) telah memperuntukan sejumlah RM3,901,100.00 bagi kontinjen Negeri Pulau Pinang ke SUKMA XXI Sarawak yang merangkumi kos penerbangan ke Sarawak, kos pengangkutan dan logistik, penginapan, program latihan atlet, kemudahan peralatan sukan dan lain-lain.

Selain daripada mendapat peruntukan daripada Kerajaan Negeri, MSNPP juga telah mengarahkan persatuan-persatuan sukan negeri untuk mengambil maklum akan beberapa tawaran dan peruntukan yang diberikan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Antara tawaran tersebut adalah:

- (i) Geran Padanan Sukan (GPS): Program ini menyediakan dana padanan sehingga 50% dari kos

program, maksimum hingga RM1,000,000.00 untuk penganjuran pelbagai jenis sukan.

- (ii) Dana Sukan Komuniti (DSK): Dana ini ditujukan untuk meningkatkan partisipasi masyarakat dalam aktiviti sukan komuniti.
- (iii) Dana Bantuan (Pembangunan Belia): Dana ini memberikan bantuan kepada program-program yang bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan dan kesihatan masyarakat melalui sukan.

Selain itu, pihak MSNPP juga menggalakkan agar persatuan sukan negeri mencari dan mendapatkan dana tajaan sektor swasta dan korporat serta bekerjasama dengan pihak-pihak lain. Pendekatan yang diambil ini adalah langkah bagi mendapatkan dana tambahan kepada persatuan dan atlet-atlet sukan negeri ini untuk menghadapi SUKMA 2026.

- (b) Dalam usaha mengelakkan kehilangan atlet-atlet negeri ini, MSNPP sentiasa memberi penekanan terhadap kebajikan atlet serta membuat penambahbaikan pada latihan-latihan atlet negeri yang masih aktif dalam latihan serta juga kepada bekas-bekas atlet Negeri Pulau Pinang. Antara usaha yang diambil adalah dengan memberi tumpuan terhadap perkara berikut:

- (i) Pendidikan dan Latihan;
- (ii) Sokongan Psikologi;
- (iii) Kemudahan Kesihatan;
- (iv) Pembangunan Karier;
- (v) Insentif dan Pengiktirafan;
- (vi) Sokongan Komuniti;
- (vii) Jaminan Keselamatan; dan
- (viii) Kepelbagaian Aktiviti.

Program skim *Penang Athlete Career & Education* (PACE) pada tahun 2020 juga menyokong ke arah pembentukan kejayaan atlet di dalam bidang Pendidikan, Kerjaya dan Kebajikan selain dari bersukan yang turut sama menawarkan:

- (i) Biasiswa Pendidikan Penuh Sukan bagi atlet-atlet yang telah berjaya melanjutkan pengajian tinggi tempatan

yang berjumlah antara RM1,000.00 ke RM1,500.00 setiap seorang;

- (ii) Bantuan Insentif Pendidikan IPT (*one-off*) kepada atlet di bawah program Skuad Latihan SUKMA atau Sukan Bukan SUKMA yang pernah mewakili Negeri Pulau Pinang dalam Kejohanan Sukan Malaysia serta sukan-sukan bertemasya;
- (iii) Insentif Galakan Pendidikan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) untuk meraih kejayaan sekurang-kurangnya 5A dalam peperiksaan SPM dan sekurang-kurangnya 2A dalam peperiksaan STPM dengan kadar RM200.00 untuk STPM and RM100.00 untuk SPM; dan
- (iv) Bantuan Skim Kebajikan Atlet Negeri (SKAN) yang diperuntukkan untuk membantu kebajikan atlet-atlet seperti khairat kematian dan rawatan bagi membiayai kos perubatan terhadap sebarang penyakit yang dialami.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIII)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

11. Naik taraf padang bola di Pongsu Seribu.

- (a) Berdasarkan jawapan soalan bertulis pada Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Ke-15 yang lalu, apakah status perkembangan perancangan naik taraf padang bola ini?
- (b) Bilakah tarikh pembinaan dijangka mula dan tarikh dijangka siap?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. (a) Kerajaan Negeri akan menyediakan sejumlah RM1.5 juta dalam bajet pembangunan 2025 untuk menaik taraf gelanggang sukan awam di Negeri Pulau Pinang. Projek menaik taraf padang bola di Pongsu Seribu akan diteliti dahulu oleh Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara dan YB MMK Sukan sebelum diberikan pertimbangan. Walau bagaimanapun, pada masa ini terdapat beberapa fasiliti padang bola berhampiran yang boleh digunakan oleh masyarakat setempat seperti di Kompleks Sukan MBSP, Bertam dan Kompleks Sukan Pokok Sena, Tasek Gelugor.
- (b) Tarikh projek menaik taraf padang bola di Pongsu Seribu adalah tertakluk kepada pertimbangan kelulusan bagi projek ini nanti.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIII)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

12. Mangsa rumah yang rosak akibat bencana ribut, ada yang mengambil masa untuk baik pulih rumah kerana menanti sumbangan agensi. Sumbangan juga ada kalanya tidak mencukupi. Adakah Kerajaan Negeri bercadang mewujudkan satu dana khas untuk membaik pulih rumah mangsa ribut selain sumbangan agensi atau Tabung TYT melalui pejabat daerah?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

12. Kerajaan Negeri hanya memberi bantuan khas Tabung Bencana Negeri Pulau Pinang (sebelum ini dikenali sebagai Tabung TYT) kepada mangsa-mangsa yang terjejas akibat bencana ribut iaitu 10% daripada nilai kemusnahan / kerosakan dengan bantuan minima adalah sebanyak RM200.00 dan bantuan maksima adalah sebanyak RM5,000.00 kepada mangsa bencana terlibat. Kerajaan Negeri tiada cadangan untuk mewujudkan satu dana khas untuk membaik pulih rumah mangsa ribut melalui Pejabat Daerah.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIII)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

13. Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672).

- (a) Apakah keputusan perbincangan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang masih dalam rundingan bersama Kerajaan Pusat bagi pemakaian Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 672] di Pulau Pinang. Status terkini berkenaan rundingan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menyediakan satu kertas Memorandum Jemaah Menteri yang dijangka akan diangkat untuk persetujuan dan kelulusan Jemaah Menteri pada bulan Disember 2024;
- (ii) Selain itu, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) juga telah mengadakan satu lawatan teknikal pada 21 sehingga 24 Oktober 2024 bagi mengesahkan data dan maklumat yang telah diserahkan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) berkaitan pengoperasian pengurusan sisa pepejal dan

pembersihan awam. Lawatan teknikal tersebut telah memfokuskan kepada perkara-perkara berikut:

- 1) Skop kerja-kerja pembersihan awam dan pengurusan sisa di lapangan;
 - 2) Kawasan-kawasan yang tidak diselenggara oleh MBPP dan MBSP;
 - 3) Aktiviti-aktiviti tahunan yang dijalankan seperti perayaan, pengurusan acara, perniagaan buah bermusim dan lain-lain; dan
 - 4) Skop kerja tambahan yang dicadangkan oleh MBPP dan MBSP untuk diserahkan kepada JPSPN dan SWCorp jika menerima pakai Akta 672.
- (iii) Perunding bagi menjalankan kajian *Due Diligence* di Pulau Pinang dijangka akan dilantik pada Januari 2025 oleh JPSPN bagi memperhalusi data yang telah dikemukakan pada peringkat awal *Due Diligence*; dan
- (iv) Laporan Kajian *Due Diligence* tersebut dijangka akan dibentangkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada Disember 2025.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIII)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

14. Bantuan pelajaran Negeri Pulau Pinang.

- (a) Nyatakan jumlah pelajar yang menerima Bantuan Pendaftaran Pelajar ke Institusi Pelajaran Tinggi (iBITA) bagi tahun 2024 mengikut DUN.
- (b) Nyatakan bilangan pelajar yang telah ditawarkan Pinjaman Penuntut Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2023 dan 2024 mengikut pecahan DUN

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. (a) Jumlah pelajar yang menerima iBITA bagi tahun 2024 mengikut DUN adalah seperti di **LAMPIRAN B**.
- (b) Bilangan pelajar yang telah ditawarkan Pinjaman Penuntut Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2023 adalah seramai 222 orang manakala bagi permohonan tahun 2024 masih belum dibuat tawaran kepada penuntut yang berjaya memandangkan tarikh tutup permohonan di dalam Sistem ePPN bagi pinjaman penuntut adalah pada 31 Oktober 2024 yang lalu. Mesyuarat Lembaga Biasiswa dan Pinjaman Penuntut akan memperakukan senarai penuntut yang memenuhi syarat dan berkeelayakan yang dijadualkan pada 21 November 2024. Senarai terperinci adalah seperti di **LAMPIRAN A**. Permohonan Pinjaman Penuntut Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2024 masih dalam semakan Unit Pinjaman Penuntut dan

akan diperakukan dalam Mesyuarat Lembaga Biasiswa dan Pinjaman Penuntut yang dijadualkan pada akhir tahun 2024.

LAMPIRAN A

BILANGAN PELAJAR YANG TELAH DITAWARKAN PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG BAGI TAHUN 2023 MENGIKUT PECAHAN DUN		
PARLIMEN	DUN	BILANGAN PELAJAR 2023
Kepala Batas	Penaga	8
	Bertam	5
	Pinang Tunggal	22
Tasek Gelugor	Permatang Berangan	8
	Sungai Dua	5
	Telok Air Tawar	4
Bagan	Sungai Puyu	1
	Bagan Jermal	0
	Bagan Dalam	1
Permatang Pauh	Seberang Jaya	10
	Permatang Pasir	6
	Penanti	8
Bukit Mertajam	Berapit	0
	Machang Bubuk	12
	Padang Lalang	2
Batu Kawan	Perai	2
	Bukit Tengah	8
	Bukit Tambun	3
Nibong Tebal	Jawi	5
	Sungai Bakap	9
	Sungai Acheh	2
Bukit Bendera	Tanjung Bunga	3
	Air Putih	0
	Kebun Bunga	3
Tanjong	Pulau Tikus	1
	Padang Kota	1
	Pengkalan Kota	0
Jelutong	Komtar	2
	Datok Keramat	6
	Sungai Pinang	13
Bukit Gelugor	Batu Lancang	1
	Seri Delima	4
	Air Itam	5
Bayan Baru	Paya Terubong	4
	Batu Uban	7
	Pantai Jerejak	5
Balik Pulau	Batu Maung	3
	Bayan Lepas	17
	Pulau Betong	6
Luar Pulau Pinang	Telok Bahang	8
		12
	JUMLAH	222

**STATISTIK BANTUAN PENDAFTARAN PELAJAR KE INSTITUT PEI
TAHUN 2024 MENGIKUT DUN**

BIL.	DUN	BILANGAN PERMOHONAN
		2024
1	AIR ITAM	14
2	AIR PUTEH	3
3	BAGAN DALAM	19
4	BAGAN JERMAL	31
5	BATU LANCHANG	9
6	BATU MAUNG	42
7	BATU UBAN	19
8	BAYAN LEPAS	55
9	BERAPIT	14
10	BERTAM	42
11	BUKIT TAMBUN	22
12	BUKIT TENGAH	21
13	DATOK KERAMAT	14
14	JAWI	23
15	KEBUN BUNGA	4
16	KOMTAR	13
17	MACHANG BUBUK	41
18	PADANG KOTA	5
19	PADANG LALANG	15
20	PANTAI JEREJAK	23
21	PAYA TERUBONG	20
22	PENAGA	52

STATISTIK BANTUAN PENDAFTARAN PELAJAR KE INSTITUT PEI TAHUN 2024 MENGIKUT DUN		
23	PENANTI	51
24	PENGKALAN KOTA	9
25	PERAI	16
26	PERMATANG BERANGAN	43
27	PERMATANG PASIR	49
28	PINANG TUNGGAL	38
29	PULAU BETONG	24
30	PULAU TIKUS	9
31	SEBERANG JAYA	53
32	SERI DELIMA	23
33	SUNGAI ACHEH	19
34	SUNGAI BAKAP	44
35	SUNGAI DUA	50
36	SUNGAI PINANG	37
37	SUNGAI PUYU	18
38	TANJONG BUNGA	20
39	TELOK AYER TAWAR	25
40	TELOK BAHANG	19
41	LUAR PULAU PINANG	98
JUMLAH		1146

NGAJIAN TINGGI (iBITA)

BILANGAN BERJAYA
2024
8
3
12
20
7
24
11
29
12
30
15
18
10
16
2
8
28
2
11
14
15
40

NGAJIAN TINGGI (iBITA)
36
7
10
28
27
26
16
6
36
15
12
28
32
23
11
11
14
15
53
741

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIII)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

15. Bilakah gerai Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) akan siap dibina di Bertam Perdana?
- (a) Siapakah yang layak memohon atau keutamaan untuk mendapat gerai tersebut?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Pembinaan Kompleks Makan di Bertam Perdana akan bermula pada bulan Februari 2025 dan dijangka siap dibina pada Ogos 2026.
- (a) Semua penduduk Pulau Pinang adalah layak untuk memohon gerai di dalam kompleks makan ini dan keutamaan akan diberikan kepada penjaja-penjaja tanpa kebenaran di kawasan berkenaan yang telah ada di dalam senarai bancian, ibu tunggal dan Orang Kurang Upaya (OKU).

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIII)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

16. Dana Wakaf Pulau Pinang (WPP).

- (a) Nyatakan jumlah kutipan dana wakaf di bawah seliaan WPP bagi tahun 2023 dan 2024.
- (b) Senaraikan tanah-tanah yang dibeli melalui dana wakaf mengikut Daerah.
- (c) Berapakah jumlah dana wakaf telah dan akan dibelanjakan di dalam Parlimen Kepala Batas? Senaraikan mengikut pecahan DUN.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. (a) Kutipan dana wakaf tunai di bawah seliaan WPP pada tahun **2023** sebanyak **RM2,017,983.98** melibatkan dana wakaf am sebanyak RM860,947.99 dan khas sebanyak RM1,157,035.99. Manakala bagi tahun **2024**, setakat Oktober 2024 dana wakaf tunai sebanyak **RM1,453,400.76** melibatkan dana wakaf am sebanyak RM838,165.14 dan dana wakaf khas sebanyak RM615,235.62.
- (b) Tiada pembelian tanah menggunakan kutipan dana wakaf di bawah MAINPP. Dana wakaf digunakan untuk pembelian a'in kekal seperti bangunan dan bangunan tersebut dijadikan aset MAINPP seterusnya hasil sewaan bangunan tersebut digunakan sebagai agihan hasil manfaat wakaf.
- (c) Dana wakaf bukan untuk dibelanjakan tetapi perlu dikembangkan dan dipelihara a'innya agar kekal lestari. Namun

begitu, Jawatankuasa Fatwa mengharuskan agihan a'in untuk saluran-saluran khusus terutamanya berkaitan penyelenggaraan aset wakaf sedia ada seperti masjid dan surau (As-Siyannah) dan pendidikan. Setakat ini Wakaf Pulau Pinang telah membuat agihan a'in wakaf yang telah **diluluskan berdasarkan permohonan** seperti berikut:

- (i) Pendidikan - RM 45,000.00; dan
- (ii) As-Siyannah - RM 43,160.00.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIII)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

17. Sagu hati pegawai masjid.

- (a) Berapakah jumlah pegawai masjid di seluruh Pulau Pinang? Pecahkan jumlah imam, bilal dan siak mengikut DUN.
- (b) Berapakah jumlah sagu hati yang diterima oleh ketiga-tiga jawatan daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHEAIPP)?
- (c) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memberikan kenaikan sagu hati daripada jumlah sekarang? Jika ada, berapakah jumlah?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. (a) Jumlah Pegawai Masjid di seluruh negeri Pulau Pinang mengikut pecahan DUN adalah seperti berikut:

NO. DUN	KAWASAN DUN	BIL. MASJID	BIL. IMAM	BIL. BILAL	BIL. SIAK
N01	Penaga	16	30	30	31
N02	Bertam	8	15	11	15
N03	Pinang Tunggal	12	26	22	23

NO. DUN	KAWASAN DUN	BIL. MASJID	BIL. IMAM	BIL. BILAL	BIL. SIAK
N04	Permatang Berangan	11	21	22	21
N05	Sungai Dua	13	19	16	19
N06	Telok Ayer Tawar	8	16	12	16
N07	Sungai Puyu	1	2	2	2
N08	Bagan Jermal	5	9	9	10
N09	Bagan Dalam	1	1	2	2
N10	Seberang Jaya	10	21	20	20
N11	Permatang Pasir	8	16	15	15
N12	Penanti	10	21	20	20
N13	Berapit	1	2	2	2
N14	Machang Bubok	10	16	17	19
N15	Padang Lalang	2	4	2	4
N16	Perai	1	2	2	1
N17	Bukit Tengah	7	13	12	12
N18	Bukit Tambun	5	8	7	10
N19	Jawi	5	11	9	9
N20	Sungai Bakap	10	19	18	18
N21	Sungai Acheh	8	15	15	16
N22	Tanjong Bunga	4	10	8	8
N23	Air Putih	2	3	4	4

NO. DUN	KAWASAN DUN	BIL. MASJID	BIL. IMAM	BIL. BILAL	BIL. SIAK
N24	Kebun Bunga	0	0	0	0
N25	Pulau Tikus	2	4	1	3
N26	Padang Kota	5	12	10	7
N27	Pengkalan Kota	1	2	2	2
N28	Komtar	3	6	6	6
N29	Datok Keramat	5	10	8	9
N30	Sungai Pinang	4	8	8	8
N31	Batu Lancang	0	0	0	0
N32	Seri Delima	2	4	4	4
N33	Air Itam	4	6	4	6
N34	Paya Terubong	0	0	0	0
N35	Batu Uban	5	8	7	6
N36	Pantai Jerejak	1	2	2	2
N37	Batu Maung	5	10	8	8
N38	Bayan Lepas	5	10	9	9
N39	Pulau Betong	10	21	18	20
N40	Telok Bahang	5	8	10	10
	KESELURUHAN	215	411	374	397

- (b) Kerajaan Negeri amat cakna terhadap kebajikan pegawai masjid yang telah bertugas dan menjalankan amanah mereka bagi menyemarakkan syiar Islam di Pulau Pinang.

Justeru, Kerajaan Negeri telah meluluskan kenaikan elaun pegawai masjid yang terdiri dari Imam, Bilal dan Siak seluruh Negeri Pulau Pinang yang melibatkan peruntukan tambahan sebanyak RM1,664,688.00 mulai Januari 2023 dengan kenaikan seperti berikut:

BIL	JAWATAN	LAMA (RM)	BARU (RM)
1.	Imam Masjid Daerah	500.00	600.00
2.	Bilal Masjid Daerah	324.00	500.00
3.	Siak Masjid Daerah	360.00	500.00
4.	Bilal	324.00	500.00
5.	Siak	360.00	500.00

Manakala elaun Imam masjid kariah dibayar oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kadar RM850.00 sebulan.

- (c) Kenaikan saguhati kepada Imam Masjid Negeri dan daerah, Bilal serta Siak telah dibuat bermula 1 Januari 2023. Kenaikan saguhati ini akan sentiasa dikaji bersesuaian dengan kehendak dan keperluan semasa.

**MESYUARAT KEDUA PENGKAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIII)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

18. Kerajaan Malaysia kini giat memperkasakan Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menggalakkan penyertaan belia di dalam TVET?
- .

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Penang Skills Development Centre (PSDC) menawarkan kursus teknikal dan pembangunan bakat dengan penglibatan industri serta memenuhi keperluan jurutera, juruteknik, pelajar dan juga akademik. PSDC menyediakan kursus berbentuk integrasi sistem, *cybersecurity*, pemodelan data statistik dan *augmented reality system development*. PSDC turut menawarkan program Sijil dan Diploma Kejuruteraan kepada individu selepas Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk melanjutkan pelajaran dalam Kejuruteraan Elektronik, Kejuruteraan Mekatronik dan Kejuruteraan Komputer. Program ini mendapat pengiktirafan daripada Agensi Kelayakan Malaysia. Selain itu, PSDC juga menawarkan kursus-kursus seperti *Program Technical Vocational Education and Training* (TVET PSDC), *Malaysia Meister Programme* dan *Penang GBS Industry-Academy* (PGIA). Kursus atau program-program latihan kemahiran tersebut ditawarkan kepada para pelajar, graduan baharu, pencari kerja, profesional bekerja, ahli akademik dan pemilik perniagaan melalui aplikasi persekitaran kerja sebenar di bawah bimbingan jurulatih yang cekap bagi membina potensi dan keupayaan mereka.

Tambahan lagi, Negeri Pulau Pinang merupakan sebuah negeri perintis kepada pelaksanaan Program Tahfiz-TVET yang telah dilancarkan pada 9 Februari 2024. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim telah meluluskan peruntukan sebanyak RM10.0 juta bagi pelaksanaan Program Tahfiz-TVET di Pulau Pinang. Program ini adalah kerjasama Kerajaan Negeri dengan Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang (MPBPP) dalam merealisasikan fungsinya dalam membantu mengurangkan jurang ketidaksamarataan sosioekonomi Bumiputera, hartanah, termasuk meningkatkan penglibatan Bumiputera dalam pekerjaan berkemahiran di industri-industri tertentu di Pulau Pinang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIII)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

19. Nyatakan jumlah penerima Dermasiswa Zakat Pulau Pinang mengikut pecahan DUN dalam Parlimen Kepala Batas.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Jumlah penerima Dermasiswa Zakat Pulau Pinang mengikut pecahan DUN dalam Parlimen Kepala Batas adalah seperti **LAMPIRAN A.**

**BAHAGIAN PENDIDIKAN & DERMASISWA
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG**

**DATA SKIM DERMASISWA PENGAJIAN 2022 HINGGA OKTOBER 2024
(PARLIMEN P-041 KEPALA BATAS)**

KOD DUN	DUN	2020		2021		2022		2023		2024 (Setakat Okt 2024)	
		JUMLAH	BIL	JUMLAH	BIL	JUMLAH	BIL	JUMLAH	BIL	JUMLAH	BIL
N01	PENAGA	386,500.00	72	755,500.00	194	759,500.00	208	1,047,500.00	275	874,000.00	229
N02	BERTAM	420,500.00	68	643,500.00	153	701,500.00	168	810,500.00	210	606,000.00	157
N03	PINANG TUNGGAL	458,000.00	75	920,000.00	207	914,500.00	218	1,137,500.00	292	999,000.00	261
JUMLAH KESELURUHAN		1,265,000.00	215	2,319,000.00	554	2,375,500.00	594	2,995,500.00	777	2,479,000.00	647

**MESYUARAT KEDUA PENGKAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIII)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

20. Beberapa kemudahan di Kompleks Sukan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) Bertam sudah uzur. Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menaik taraf trek balapan stadium dan gelanggang *lawn bowl* di Kompleks Sukan MBSP Bertam?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) merancang untuk menaik taraf trek balapan stadium dan gelanggang *lawn bowl* di Kompleks Sukan MBSP Bertam seperti berikut:
- (i) Melantik perunding untuk menyediakan reka bentuk terperinci bagi pembinaan struktur berbumbung dan menaik taraf padang *lawn bowl*; dan
 - (ii) Memohon peruntukan kepada agensi yang bersesuaian bagi menaik taraf gelanggang tersebut setelah reka bentuk disiapkan. Walau bagaimanapun, MBSP juga telah memohon peruntukan untuk menaik taraf keseluruhan Kompleks Sukan MBSP Bertam termasuk trek balapan stadium dan gelanggang *lawn bowl* melalui RMKe-12 namun masih belum diluluskan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIII)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

21. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP).

- (a) Nyatakan sama ada penggunaan air per kapita negeri turun atau naik sejak dikuatkuasakan tarif air baharu mulai Februari 2024.
- (b) Apakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk melanjutkan pemberian air percuma selepas tempohnya tamat pada 31 Disember 2024?
- (c) Bilakah bekalan air bersih dari Negeri Perak dapat mula disalurkan ke Pulau Pinang?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. (a) Jumlah penggunaan air di Pulau Pinang masih tinggi dalam tempoh Januari hingga kini dengan purata penggunaan air di Pulau Pinang ialah 887 juta liter sehari (JLH) (data sehingga Jun 2024) jika berbanding pada tahun 2023 iaitu 877 JLH walaupun tarif air baharu berkuatkuasa pada Februari 2024.
- (b) Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk melanjutkan pemberian air percuma selepas tempohnya tamat pada 31 Disember 2024. Kerajaan Negeri melalui PBAPP telah melaksanakan pemberian rebat sebanyak 10m³ untuk tempoh 6 bulan kepada pengguna domestik dan jumlah rebat tersebut dianggarkan sebanyak RM11 juta. Jumlah ini adalah sangat tinggi dan memberi impak kepada kewangan PBAPP kerana PBAPP

memerlukan kos pembiayaan yang tinggi untuk melaksanakan projek-projek pembangunan infrastruktur yang kritikal di bawah perancangan pelan tindakan PBAPP. Selain itu, tarif domestik bagi Negeri Pulau Pinang masih rendah di bawah kos pengeluaran walaupun terdapat kenaikan tarif air yang baharu. PBAPP juga telah memberi subsidi kepada pengguna domestik dengan jumlah sebanyak RM116 juta yang perlu ditanggung oleh pihak PBAPP pada tahun 2023. Pemberian subsidi ini juga akan diteruskan bagi mengurangkan bebanan pengguna terutamanya kepada golongan B40 melalui rebat-rebat berikut:-

- (i) Rebate Mutiara bagi keluarga miskin tegar yang boleh dikemukakan permohonan melalui Pejabat-Pejabat Daerah atau e-kasih;
 - (ii) Rebate Mesra Keluarga untuk keluarga besar melebihi lapan (8) orang serumah;
 - (iii) Rebate Kebocoran Air melibatkan kobocoran paip bawah tanah;
 - (iv) Kemudahan pinjaman untuk kos kemasukan air atau kos penyambungan paip bagi rumah kampung; dan
 - (v) Kemudahan bayaran ansuran bagi bil-bil tinggi bagi mengurangkan bebanan.
- (c) Kerajaan Negeri telah menerima draf surat hasrat daripada Kerajaan Negeri Perak susulan mesyuarat yang telah diadakan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 9 Ogos 2024 berkenaan hasrat kerjasama antara Kerajaan Negeri Perak dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi Skim Penjualan Air Terawat dari Negeri Perak ke Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri juga telah mengemukakan draf surat balas hasrat tersebut kepada Kerajaan Negeri Perak di mana salah satu hasrat utama adalah kerjasama antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Negeri Perak dalam menyegerakan pelaksanaan Skim Penjualan Air Terawat Dari Negeri Perak Ke Negeri Pulau Pinang melalui usaha bersepadu kedua-dua negeri bagi mendapatkan kelulusan serta pembiayaan daripada Kerajaan Persekutuan supaya kerja-kerja awalan projek ini dapat dimulakan selewat-lewatnya pada tahun 2025. Perkara ini juga telah diumumkan

oleh YAB Perdana Menteri melalui ucapan Belanjawan Madani Ketiga Tahun 2025 telah meluluskan projek Penyaluran Air Mentah Sungai Perak untuk bekalan air di kawasan utara Perak dan Pulau Pinang sebagai salah satu projek berkepentingan rakyat serta kemudahan yang menyokong kawasan perindustrian *Kerian Integrated Green Industrial Parak* (KIGIP).

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIII)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

22. Caj bekalan air di rumah-rumah ibadat.

- (a) Ekoran kenaikan caj bekalan air, adakah Kerajaan Negeri bercadang memberikan potongan diskaun untuk rumah ibadat seperti masjid, tokong dan lain-lain memandangkan rumah ibadat bergantung daripada sumbangan orang ramai?
- (b) Jika ada cadangan, bilakah dapat dilaksanakan?
- (c) Berapakah jumlah diskaun dicadangkan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Tarif air untuk rumah-rumah ibadat dan institusi kebajikan telah dikelas semula dari tarif domestik kepada tarif khas pada tahun 2023. Kadar tarif baru selepas pengelasan adalah kadar rata sebanyak RM0.67/cum adalah lebih rendah berbanding dengan tarif domestik kerana pengiraan tarif domestik adalah berdasarkan kepada jumlah penggunaan. Walau bagaimanapun, kadar tarif air baharu ini masih juga rendah sekiranya dibandingkan dengan kos pengeluaran yang ditanggung oleh pihak Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP).

- (a) Memandangkan tarif air untuk rumah-rumah ibadat dan institusi kebajikan merupakan kategori tarif air terendah berbanding tarif air lain-lain kategori, Kerajaan Negeri melalui PBAPP tidak akan memberikan diskaun tambahan kepada kategori ini kerana ianya akan memberi impak kepada kewangan PBAPP terutama kepada kos pengoperasian bagi mengekalkan

prestasi perkhidmatan pembekalan air yang cekap kepada pengguna Pulau Pinang.

- (b) Tidak akan dilaksanakan kerana tiada diskaun tambahan akan diberikan.
- (c) Tiada jumlah diskaun tambahan sepertimana ketetapan yang telah digazetkan di peringkat Persekutuan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIII)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

23. Pasukan petanque telah menunjukkan prestasi cemerlang di dalam Sukan Malaysia (SUKMA) 2024. Antara atlet yang mewakili pasukan ini ialah dari Kepala Batas.
- (a) Berapakah gelanggang petanque yang ada di Pulau Pinang?
- (b) Apakah ada perancangan untuk membina gelanggang petanque di Kepala Batas?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. (a) Pada masa ini, Negeri Pulau Pinang mempunyai 23 fasiliti yang mempunyai gelanggang petanque. Jumlah gelanggang petanque di fasiliti berkaitan adalah berjumlah 209 gelanggang dengan perincian seperti berikut:

Daerah	Fasiliti/Tempat	Jumlah Gelanggang
Seberang Perai Utara	SMK Permatang Tok Jaya	32
	SMK Lahar Tiang	6
	MSN Titi Mukim	16
	SMK Dato Onn	2
	SMK Telok Air Tawar	2
Seberang Perai Tengah	IPG Bainun	10
Seberang Perai Selatan	Penjara Jawi	16
	IPD Seberang Perai Selatan	2
	USM Kampus Kejuruteraan	5
Timur Laut	USM	16
	Kompleks Belia dan Sukan Batu Uban	9
	SMK Perempuan St. Georges	6

Daerah	Fasiliti/Tempat	Jumlah Gelanggang
Barat Daya	SMK Batu Maung	16
	SMK Raja Tun Uda	10
	SMK Sungai Ara	1
	SMK Seri Bayu	2
	SMK Seri Balik Pulau	4
	SMK Maahad Mashoor Al Islami Balik Pulau	4
	SMK Pondok Upeh	2
	JKR Balik Pulau	1
	Kolej Kemahiran Tinggi Balik Pulau	1
	Maktab Rendah Sains Mara Balik Pulau	2
	Kolej Vokasional Balik Pulau	4
	Jumlah	209

- (b) Pada masa ini, Kerajaan Negeri belum ada perancangan projek gelanggang petanque yang khusus di Kepala Batas, Pulau Pinang. Namun, gelanggang petanque yang berdekatan dengan DUN Kepala Batas adalah bertempat di Kompleks Sukan Titi Mukim milik Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) yang dilengkapi dengan kemudahan 16 buah gelanggang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIII)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

24. Pasukan bola sepak Pulau Pinang FC dalam Liga Super Malaysia.

- (a) Apakah langkah yang diambil dan berapakah peruntukan yang telah diperuntukkan Kerajaan Negeri bagi mencemerlangkan lagi prestasi pasukan bola sepak negeri ini?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. (a) Kerajaan Negeri melalui Penang FC (PFC) telah mengenal pasti beberapa langkah bagi mencemerlangkan lagi prestasi pasukan bola sepak negeri seperti berikut:

- (i) Seorang jurulatih berpengalaman dari Liga Super telah dikenal pasti untuk ditawarkan bersama PFC bagi memperbaiki kedudukan pasukan PFC;
- (ii) Mengambil pemain-pemain Liga Super yang berpengalaman untuk musim 2025/2026;
- (iii) Para pemain akan dibekalkan dengan padang latihan yang tetap; dan
- (iv) Menyambung khidmat pemain-pemain yang berbakat untuk musim 2025/2026 supaya kesefahaman pasukan ini tidak terganggu.

Sumbangan Kerajaan Negeri kepada Penang FC sejak ianya ditubuhkan pada 21 September 2020 adalah dalam bentuk peruntukan untuk pengoperasian Penang FC. Peruntukan yang

disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada Penang FC Sdn. Bhd. dari tahun 2021 hingga 2024 adalah seperti berikut:

- (1) Tahun 2021 - RM8,855,026.00
- (2) Tahun 2022 - RM11,000,000.00
- (3) Tahun 2023 - RM13,700,000.00
- (4) Tahun 2024 - RM8,000,000.00

**SMESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIII)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

25. Kepala Batas telah mengalami peningkatan penduduk yang ketara dengan pertambahan pembangunan taman-taman perumahan. Oleh itu, khidmat kesihatan kepada orang awam perlu dipertingkatkan terutamanya di Hospital Kepala Batas (HKB). Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menambah bilangan katil, bilangan doktor dan prasarana di HKB?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Hospital Kepala Batas telah mengemukakan permohonan projek Pembinaan Blok Tambahan Multistorey, Hospital Kepala Batas pada RMKe-12 *Rolling Plan* 5 (2025) sebagai salah satu perancangan bagi menaik taraf dan meningkatkan khidmat kesihatan di Daerah Seberang Perai Utara. Permohonan projek telah dibentangkan ke peringkat KKM, namun belum mendapat kelulusan. Permohonan projek tersebut telah dimasukkan semula bagi permohonan di dalam RMKe-13 *Rolling Plan* 1.

Kapasiti/bilangan katil sekarang adalah sebanyak 134 buah katil. Pertambahan katil sebanyak 456 katil dipohon dalam projek tersebut dan akan menjadikan jumlah katil keseluruhan sebanyak 590 buah katil. Selaras dengan permohonan penambahan katil, permohonan penambahan sumber manusia dan penambahan peralatan juga disertakan bagi menampung keperluan perkhidmatan.

Pada masa sekarang bilangan pegawai perubatan dan anggota kesihatan lain adalah berdasarkan keperluan dari masa ke semasa.

Pegawai Perubatan dan Pakar Perubatan juga digerakkan menggunakan konsep Hospital Kluster Seberang dimana perkongsian anggota antara semua hospital di Seberang Perai dilaksanakan bagi mengoptimalkan penggunaan sumber manusia. Penambahan anggota dan pegawai kesihatan akan dilaksanakan mengikut keperluan dan penambahan bebanan kerja.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIII)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

26. Apakah status pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bertam Putra, Kepala Batas?

(a) Bilakah tarikh pembinaan dijangka siap?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Status terkini Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah melantik kontraktor untuk menyiapkan pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Bertam Putra. Di samping itu, pada masa kini, pihak kontraktor sedang melaksanakan kerja-kerja di tapak mengikut perancangan.

(a) Berdasarkan semakan rekod Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP), tarikh milik tapak adalah pada 13 Jun 2024 dan dijangka disiapkan pada 30 Oktober 2025.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(XXIII)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

27. Kejadian ribut baru-baru ini menyaksikan banyak pokok teduhan di tepi jalan yang tumbang ke atas jalan raya. Mohon Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) nyatakan.
- (a) Bagaimanakah pemantauan dan penyelenggaraan dibuat ke atas pokok-pokok ini serta berapakah kos yang terlibat?
 - (b) Berapakah bilangan pokok yang dikenal pasti sebagai berisiko dan telah diselenggara?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. Pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah mengambil langkah-langkah berikut bagi menangani isu pokok tumbang iaitu:
- (a) MBPP melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan pokok secara berkala pada setiap tahun. Pokok-pokok diselenggara mengikut teknik amalan arborikultur dengan setiap pokok dipangkas secara berkala iaitu sekali pada setiap tahun.

Perbelanjaan yang diperuntukkan bagi tujuan penyelenggaraan pokok-pokok mengikut tahun adalah seperti berikut:

TAHUN	PERUNTUKAN (RM)
2020	12,000,000.00
2021	6,000,000.00
2022	4,000.000.00

2023	7,000.000.00
2024	8,700,000.00

Di samping itu, MBPP turut memperuntukkan sejumlah RM2.0 juta setahun bagi tujuan menyelenggara pokok-pokok di tepi jalan di Jalan Persekutuan.

- (b) Pada tahun 2024, MBPP telah melantik kontraktor yang mempunyai kepakaran bagi menjalankan kerja-kerja penilaian risiko pokok (*Tree Risk Assessment*) serta penyelenggaraan di lima (5) jalan yang terdiri daripada Jalan Macalister, Jalan Utama, Jalan Burmah, Jalan Kelawei dan Jalan Perak. Pemilihan lokasi berkenaan dibuat memandangkan terdapat banyak pokok berusia dan bersaiz besar di jalan-jalan tersebut.

Sebanyak 1,195 batang pokok telah dilaksanakan Kerja-kerja Penilaian Risiko Pokok (*Tree Hazard Evaluation Second Edition Form*).

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 140 batang pokok telah dikenal pasti sebagai berisiko dengan mengambil kira kondisi pokok yang tidak sihat. MBPP telah pun melaksanakan kerja-kerja penebangan sebanyak 33 batang pokok dan kerja-kerja penebangan dijangka akan siap sepenuhnya pada hujung Disember 2024.

Pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) juga telah membuat pemantauan seperti berikut:

Tempoh	Tindakan pemantauan
Jangka masa pendek	i. Melalui pengurusan bencana yang diselaraskan oleh Jabatan Pengurusan Krisis dengan bantuan Jabatan Landskap dalam melaksanakan isu pokok tumbang/berisiko. ii. Tindakan awal pembersihan laluan awam sekiranya melibatkan jalan utama kepada orang awam.
Jangka Masa Panjang	i. Melaksanakan perolehan perkhidmatan penyelenggaraan pokok ameniti di seluruh Seberang Perai termasuk kawasan lapang

	dan kawasan perindustrian. ii. Membuat pemantauan dan pemeriksaan pokok ameniti melalui kontraktor <i>Malaysia Road Record Information System</i> (MARRIS) di tujuh (7) buah Parlimen di seluruh Seberang Perai. Anggaran pokok terlibat adalah sebanyak 1,500 batang pokok. Lantikan kontraktor telah dibuat pada bulan September 2024 dan Arahan Kerja Pertama telah dikeluarkan pada tarikh berikut: <table border="1"> <thead> <tr> <th>PARLIMEN</th><th>TARIKH ARAHAN KERJA PERTAMA</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Tasek Gelugor</td><td>07 Oktober 2024</td></tr> <tr> <td>Kepala Batas</td><td>11 Oktober 2024</td></tr> <tr> <td>Bagan</td><td>11 Oktober 2024</td></tr> <tr> <td>Permatang Pauh</td><td>11 Oktober 2024</td></tr> <tr> <td>Bukit Mertajam</td><td>11 Oktober 2024</td></tr> <tr> <td>Batu Kawan</td><td>01 Oktober 2024</td></tr> <tr> <td>Nibong Tebal</td><td>17 Oktober 2024</td></tr> </tbody> </table> iii. Melalui penubuhan 'Tautan Muhibbah' oleh Jabatan Landskap yang melibatkan kerja berkumpulan oleh tiga (3) daerah iaitu Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) dan Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) khususnya pasukan kerja pemangkasan pokok untuk menyelesaikan aduan pokok berisiko/berbahaya. iv. Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan pokok di jalan-jalan utama secara berkala pada setiap hujung minggu bermula pada minggu pertama bulan Oktober 2024.	PARLIMEN	TARIKH ARAHAN KERJA PERTAMA	Tasek Gelugor	07 Oktober 2024	Kepala Batas	11 Oktober 2024	Bagan	11 Oktober 2024	Permatang Pauh	11 Oktober 2024	Bukit Mertajam	11 Oktober 2024	Batu Kawan	01 Oktober 2024	Nibong Tebal	17 Oktober 2024
PARLIMEN	TARIKH ARAHAN KERJA PERTAMA																
Tasek Gelugor	07 Oktober 2024																
Kepala Batas	11 Oktober 2024																
Bagan	11 Oktober 2024																
Permatang Pauh	11 Oktober 2024																
Bukit Mertajam	11 Oktober 2024																
Batu Kawan	01 Oktober 2024																
Nibong Tebal	17 Oktober 2024																

Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan pokok tumbang yang dijalankan di Jalan Persekutuan adalah dilaksanakan

secara dalaman manakala bagi Jalan Negeri / Bandaran adalah dilaksanakan melalui kontrak MARRIS yang berjumlah RM3,000,000.00 bagi tahun 2024 yang merangkumi tujuh (7) buah Parlimen di seluruh Seberang Perai.

Jumlah pokok berisiko yang telah dikenal pasti dan diselenggara oleh MBSP secara dalaman bermula 21 September 2024 sehingga 31 Oktober 2024 adalah sebanyak 1,013 batang pokok.